

Pusat Islam UUM Anjur Kempen Imarah Masjid Universiti
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 11 Julai 2011 14:13

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

11 JULAI 2011/9 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli

Gambar oleh: Abdul Halim Hussain

PUSAT ISLAM UUM ANJUR KEMPEN IMARAH MASJID UNIVERSITI

UUM ONLINE: Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Kempen Imarah Masjid Universiti yang akan berlangsung pada 24 Julai ini.

Menurut Pengarah Pusat Islam, Prof Madya Dr Ismail Ishak, kempen ini bertujuan untuk menarik seramai mungkin warga kampus dan masyarakat sekitar universiti untuk mengimarahkan Masjid Sultan Badlishah di dalam kampus dan juga Masjid Imam As-Syafie di Bukit Kachi.

"Saya berharap kempen ini dapat menarik warga kampus dan masyarakat sekitar mengimarahkan masjid dan pada masa yang sama dapat meningkatkan lagi jumlah jemaah yang sentiasa ada di masjid," tambahnya.

Beliau berkata, kempen ini akan dirasmikan oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak di Dewan Seminar, Kompleks Pusat Islam UUM, pada jam 11 pagi hari berkenaan.

Dr Ismail Ishak juga berkata, pada perasmian itu nanti akan berlangsung juga ceramah perdana yang akan disampaikan oleh Mufti Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Paduka Syeikh Muhammad Baderudin Ahmad.

"Antara program yang kita akan jalankan untuk mengimarahkan masjid seperti kuliah maghrib, pengajian Islam, halaqah, kelas tajwid dan pelbagai lagi program yang sedang dirancang sempena menyambut ketibaan bulan Ramadhan yang akan tiba tidak lama lagi," tambahnya.

Mereka yang ingin mendapat keterangan lanjut mengenai kempen ini boleh menghubungi Zubir Mat Yusop di talian 04 928 5864.

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my